

Kedaulatan Kesultanan Selangor Dari Perspektif Sejarah Perundangan

Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain

d1af@live.com

Majlis Ittihad Ummah

ABSTRAK

Selangor adalah salah sebuah Kerajaan Melayu di bawah Kesultanan Melayu Melaka sehinggalah ia dimasyhurkan sebagai sebuah kerajaan berdaulat yang berkerajaan sendiri dalam tahun 1743 melalui pertabalan Sultan Salihuddin Shah Ibnu Paduka Sri Dahing Opu Chellak, sebagai pemerintah pertama Kesultanan Selangor merdeka. Makalah ini bertujuan untuk menjelaskan kedaulatan watan dalam kerangka Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor dari empat aspek yang digagaskan dalam Konsep Kedaulatan Watan Raja-Raja Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Menurut Sejarah Perundangan (2017), iaitu; Pertama, Sultan adalah seorang pemerintah kerajaan yang merdeka; Kedua, pemerintahnya mengekalkan agama Islam sebagai anutan; Ketiga, pemerintahnya naik takhta melalui syura dan bai'ah; Keempat, pemakaian prinsip kedaulatan watan. Makalah ini menggunakan metod kualitatif sejarah perundangan. Perjanjian Selangor 1948 dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 adalah sumber-sumber utama. Dapatan menunjukkan Kesultanan Selangor sebuah Kerajaan Melayu berdaulat sehingga ke hari ini mengekalkan kedaulatan watan seperti diwarisi daripada Kesultanan Melayu Melaka. Kedudukan di atas sangat penting kerana ia menjelaskan konsep kedaulatan Kesultanan Selangor dalam kerangka undang-undangnya sendiri. Atas premis yang sama, ia memandu bagaimana prinsip perlembagaan Selangor harus ditafsirkan.

Kata-kata kunci: kedaulatan watan, kesultanan Selangor, Perjanjian Selangor 1948, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, kerangka watan.

ABSTRACT

Selangor was one of the Malay Kingdom under the Great Malacca Sultanate until it was proclaimed as a sovereign and self-government in 1743 through the Coronation of Sultan Salihuddin Shah Ibnu Paduka Sri Dahing Opu Chellak, being the first ruler of the independent Sultanate of Selangor. This paper aims to describe the indigenous sovereignty within the framework of the Laws of the Constitution of Selangor from four aspects as aspired in Konsep Kedaulatan Watan Raja-Raja Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Menurut Sejarah Perundangan (2017), namely; First, the Sultan is the ruler of an independent Government; Second, the ruler maintains Islam as his faith; third, the ruler installed on throne via Shura and

bai'ah; Fourth, the application of the principle of the indigenous sovereignty. This paper uses qualitative legal history method. Selangor Agreement 1948 and the Laws of the Constitution of Selangor 1959 are the primary sources. The finding shows the Sultanate of Selangor is the sovereign Malay Government that to date maintains the indigenous sovereignty as inherited from the Great Malacca Sultanate. The above position is very important because it explains the concept of sovereignty of the Sultanate of Selangor within its own legal framework. On the same premises, it guides how the constitutional principle of Selangor should be interpreted.

Keywords: Indigenous sovereignty, the Sultanate of Selangor, Selangor Agreement 1948, Laws of the Constitution of Selangor 1959, Indigenous framework.

Received: 26 December 2017

Accepted: 26 December 2017

Online Published: 31 December 2017

PENGENALAN

Wilayah Kesultanan Melayu Melaka sehingga tahun 1459 seperti dijelaskan oleh Muhammad Yusoff Hashim (2015: 283) merangkumi Dinding, Selangor, Muar, Singapura, Bentan, Pahang, Indragiri dan Kampar. Sehingga kemangkatan Sultan Mansor Shah (1477), wilayahnya meluas hingga Bernam dan Perak di Semenanjung Tanah Melayu serta Siak, Rupert dan Rokan di Sumatera. Semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah, wilayah penguasaan Melaka dikembangkan lagi ke kawasan penempatan Orang Laut di Selatan, iaitu seluruh kepulauan Riau-Lingga. Sehingga tahun 1511, seluruh kawasan Semenanjung termasuk Patani, Kelantan, Kedah dan Terengganu menjadi taklukan Kesultanan Melayu Melaka.

Kesultanan Selangor pada hari ini bermula dengan pelantikan Raja Lumu sebagai Raja Kecil Selangor oleh ayahanda baginda, Yang Di-Pertuan Muda (II) Empayar Melayu Johor-Riau Paduka Sri Opu Dahing Chellak Ibni Upu Tendriburang Dahing Rilaga. Pada ketika itu, Selangor berada di bawah kekuasaan Empayar Melayu Johor-Riau. Pelantikan tersebut dibuat untuk menjaga keamanan Selangor setelah Paduka Sri Opu Dahing Chellak berjaya mengamankan Selangor daripada angkara Dahing Matekkuh pada tahun 1143H (Raja Ali Haji, 1998: 107). Selangor muncul sebagai sebuah kerajaan bebas dan merdeka apabila Raja Lumu Ibni Paduka Sri Opu Dahing Chellak ditabalkan sebagai Sultan Selangor bergelar Sultan Salihuddin Shah oleh Yang di-Pertuan Perak. Kerajaan Melayu Perak dan Empayar Melayu Johor-Riau itu adalah dua buah kerajaan warisan Kesultanan Melayu Melaka. *Tuhfat al-Nafis* mencatatkan:

Shahdan (kata sahib al-hikayat, maka) pada satu masa (maka) berangkatlah (Tengku) Raja Selangor itu bermain-main di Pangkor. Maka kedengaranlah khabar kepada Yang di-Pertuan Perak. Maka disuruhnya(lah) segala orang besar-besarnya mempersilakan (Tengku) Raja

Selangor (itu) masuk ke (dalam) Perak. (maka apabila sampai ke dalam Perak), maka berbicaralah Yang di-Pertuan Perak (dengan segala orang besar-besarnya Perak, serta tua-tua Selangor pada pekerjaan) hendak merajakan (Tengku) Raja Selangor itu di dalam (negeri) Selangor. Maka berbetulan kemuafakatan (antara kedua pihak) itu. (Maka) lalu (lah) dilantik (oleh Yang di-Pertuan Perak) akan Tengku (Raja) Selangor itu menjadi Yang di-Pertuan Besar (di dalam negeri Selangor, dengan segala jajahan takluknya. Maka) bergelar Sultan Salihuddin. Maka apabila sudah selesai pekerjaan itu maka berangkatlah (Sultan Salihuddin itu) balik ke Selangor. (Maka Yang di-Pertuan Perak pun bersama-sama juga berangkat ke Selangor. Maka apabila tiba Selangor lalulah ditabalkan, serta dipukul nobat, dan menjunjung dulilah segala anak raja-raja dan orang besar-besar betapa adat istiadat raja-raja yang ditabalkan (Raja Ali Haji, 1998: 199-200).

Dari sudut undang-undang perlembagaan, *Hukum Kanun Melaka* sudah diterima pakai oleh Selangor apabila ia menjadi sebahagian wilayah Kesultanan Melayu Melaka dan ia dilanjutkan dengan *Undang-Undang Johor* yang dikuatkuasakan oleh Empayar Melayu Johor – Riau (Liw Yock Fang, 2003: xvii, 61). Pemakaian *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-Undang Johor* itu adalah bukti kukuh penerimaan perundangan bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah (Wan Ahmad Fauzi, Anisah & Mohamed Anwar, 2017: 185-190). Paduka Sri Opu Dahing Chellak adalah berketurunan seorang Ratu Bugis bernama Sitti Malangkik, pemerintah kerajaan di Selangi, Sulawesi. Moyang Paduka Sri Opu Dahing Chellak daripada salsilah Sitti Malangkik yang mula-mula memeluk agama Islam ialah Raja Opu La Maddusilat (Raja Ali Haji, 1998: 25-26). Pemakaian perundangan bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah itu diteruskan apabila Sultan Salihuddin memerintah Kerajaan Melayu Selangor sehinggalah pengenalan prinsip *common law* yang mula mendominasi aspek awam undang-undang Islam selepas tahun 1785 (Wan Ahmad Fauzi et al. 2017).

Makalah ini bertujuan untuk menghuraikan kedaulatan watan Kesultanan Selangor dalam kerangka perlembagaan negerinya melalui empat aspek seperti digagaskan dalam *Konsep Kedaulatan Watan Raja-Raja Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Menurut Sejarah Perundangan (2017)*. Empat aspek tersebut; pertama, raja adalah pemerintah sebuah kerajaan merdeka; kedua, pemerintah mengekalkan agama Islam sebagai anutan; ketiga, pemerintah naik takhta atas syura dan bai'ah; keempat, pemakaian prinsip kedaulatan watan.

METODOLOGI

Makalah ini menggunakan metod pendekatan sejarah perundangan kerana penulisan ini bersifat kualitatif yang membahaskan aspek kedaulatan dari sisi kedaulatan watan Selangor. Rujukan utama adalah Perjanjian Negeri Selangor 1948 dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 di samping sumber-sumber berwibawa lain. Seperti terkandung dalam objektifnya, kedaulatan watan dianalisis berdasarkan aspek-aspek yang dikemukakan dalam

Konsep Kedaulatan Watan Raja-Raja Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Menurut Sejarah Perundangan (2017).

KONSEP KEDAULATAN

Kedaulatan adalah aspek utama yang menentukan keluhuran perlembagaan sesebuah negeri mahupun negara. Dewasa ini, perbincangan tentang aspek-aspek yang menyentuh perlembagaan sering mengabaikan konsep kedaulatan yang dijunjung oleh sesebuah negara. Hal yang sama berlaku pada peringkat negeri. Oleh demikian, amat penting sekali konsep kedaulatan difahami menerusi sejarah perundangan menurut kerangka watan kerana itu akan menemukan dengan jati diri Tanah air.

Kedaulatan pada paras umum menurut pemikiran Barat dan ajaran Islam adalah sumber tertinggi berposisi penguasa agung yang memiliki hak mutlak untuk menetapkan undang-undang. Keluhuran suatu undang-undang itu diabsahkan oleh penguasa agung. Penguasa Agung itu boleh mendelegat hak penggubalan undang-undang kepada entiti lain tanpa memprejudikan hak mutlak penguasa agung itu. Undang-undang yang diabsahkan oleh penguasa agung itulah secara mutlak yang mencorakkan sistem politik dan prinsip perundangan sesebuah kerajaan atau negara. Undang-undang itu perlu dipatuhi kerana ia boleh dikuatkuasakan dalam kerangka undang-undang sesebuah kerajaan atau negara, dan itulah sebenarnya tempat letak keluhuran perlembagaan atau kedaulatan undang-undang (*rule of law*) (Wan Ahmad Fauzi, 2017: 80-144).

Menurut sarjana sains politik Barat, entiti yang memiliki ‘kedaulatan’ itu haruslah memiliki dua perkara: pertama, hak untuk memerintah dan hak untuk dipatuhi; dan, kedua, kewilayahan. Philpott (2003: 2) menjelaskan, hak untuk memerintah dan hak untuk dipatuhi itu hendaklah diperoleh secara sah sama ada hukum alam, mandat ilahi, undang-undang pusaka, perlembagaan, mahupun undang-undang antarabangsa. Kekuasaan itu pula bukanlah sekadar kekuasaan biasa, ia hendaklah mencapai tahap tertinggi atau agung berkedudukan ‘*supreme authority within a territory.*’ Kewilayahan itu adalah prinsip bagaimana ahli komuniti ditakrifkan. Ahli komuniti dikira dalam kalangan penduduk di dalam suatu sempadan, tidak semestinya identiti. Sempadan negeri berdaulat itu tidak semestinya terbatas pada satu rakyat atau bangsa, ianya menjangkau sejauh wilayah geografi dalam kekuasaan seorang raja yang adalah penguasa tertinggi.

KEDAULATAN DAN KERANGKA WATAN

“Kedaulatan watan” dalam perbincangan ini adalah kekuasaan agung bersifat watan Tanah Melayu. Kedaulatan Tanah Melayu seperti dijelaskan oleh Wan Ahmad Fauzi (2017) merujuk kepada kerangka kedaulatan bersumberkan Islam yang terbina pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, sama ada ia dikuatkuasakan lebih awal seperti disaksikan melalui penemuan Batu Bersurat Terengganu, atau selepas terbubaranya Kesultanan Melayu Melaka melalui pemakaian

Undang-Undang Johor, Undang-Undang Pahang, Undang-Undang 99 Perak dan Undang-Undang Kedah. Kedaulatan watan itu bersumberkan ajaran Islam yang mengimani bahawa hak penetapan undang-undang tertinggi adalah milik mutlak Allah SWT seperti dijelaskan dalam *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*. Berasaskan kerangka konsep itu, maka:

- a. kepimpinan manusia, termasuk Raja Melayu, adalah berposisi sebagai Khalifah yang dipopularkan sebagai bayangan Allah di atas bumi.
- b. Konsep kedaulatan menggariskan dasar-dasar umum sistem dan prinsip perundangan yang menjadi panduan mandatori kepada manusia dan ia adalah sesuai dilaksanakan sepanjang zaman.

Kesimbungan kedaulatan bersumberkan ajaran Islam itu terpasak pada kalimah syahadah. Kalimah syahadah itu amat penting kerana terkandung di dalamnya pengakuan '*Tauhid Uluhiyyah*' yang diistilahkan dalam sains politik sebagai kedaulatan politik. *Tauhid Uluhiyyah* itu bermaksud seseorang yang menganut agama Islam wajib mengimani kemutlakan Allah SWT dalam setiap kekuasaanNya. Kedaulatan politik itu berkait rapat dengan keagungan mutlak Allah SWT dalam mengatur kehidupan manusia, bahawa apabila Dia telah menentukan hukum ibadat dan undang-undang di dunia ini, sama ada dalam aspek peribadi mahupun awam, maka tiada kuasa lain yang boleh memindanya sama sekali. Dalam konsep itu, manusia dibenarkan untuk menterjemahkan undang-undang Allah SWT dalam bentuk kontemporari tertakluk pada prinsip politik dan perundangan yang diizinkanNya. Justeru, sekira raja dan para pembesar yang menunjangi pemerintahan itu masih beraqidah Islam, maka itu adalah bukti *prima facie* pada ikatan kelangsungan kedaulatan watan bersumberkan ajaran Islam (Wan Ahmad Fauzi, 2017: 114-136). Dalam makalah ini, perkara pokok adalah kedaulatan pada sisi Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 yang dihuraikan menurut sejarah perundangan. Sorotan melalui sejarah perundangan itu amatlah tepat kerana kedaulatan Sultan Selangor adalah terpelihara seperti diperuntukkan oleh Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan:

Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, kedaulatan, prerogatif, kuasa dan bidangkuasa raja-raja dan prerogatif, kuasa dan bidangkuasa Pembesar-pembesar Memerintah Negeri Sembilan di bawah wilayah-wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga kini adalah tetap dan tidak terjejas.

'Kerangka watan' dalam makalah ini bermaksud kerangka undang-undang watan Selangor setakat ia tidak bercanggah pada sisi Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dan Perlembagaan Persekutuan. Penggunaan istilah 'watan' dipilih kerana ia memperihalkan kedudukan dan sifat-sifat sesuatu berpaksi pada Tanah air. Satu lagi sebab-musabab penggunaan istilah watan ialah kerana ia lebih bersifat saksama dalam erti kata tidak berpihak atau terkhusus pada kaum atau kumpulan etnik tertentu. Menurut Wan Ahmad Fauzi (2017) pemakaian dan kesinambungan kedaulatan watan bersumberkan ajaran Islam seperti dikembangkan oleh Kesultanan Melayu Melaka dalam kerangka politik Kerajaan-kerajaan Melayu dianggap sempurna apabila memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- a. Raja adalah pemerintah sebuah kerajaan merdeka.

- b. Pemerintahnya mengekalkan agama Islam sebagai anutan.
- c. Pemerintah naik takhta atas syura dan bai'ah.
- d. Pemakaian prinsip kedaulatan watan.

Justeru, Makalah ini akan menghuraikan peruntukan-peruntukan dalam Perjanjian Negeri Selangor 1948 dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 untuk mengemukakan kedaulatan Kesultanan Selangor dari perpektif sejarah perundangan.

PERJANJIAN NEGERI SELANGOR 1948

Perjanjian Negeri Selangor ditandatangani pada 21 Januari 1948 oleh Sultan Hisamuddin Alam Shah Ibni Almarhum Sultan Ala-Iddin Sulaiman Shah, Sultan Selangor dengan Sir Gerard Edward James Gent bagi pihak Raja England. Melalui Perjanjian Negeri Selangor 1948, Sultan Selangor bersetuju untuk mentakrifkan pelaksanaan kuasa-kuasa politik dan perundangan baginda dalam bentuk undang-undang bertulis. Pada tarikh yang sama kesembilan orang Raja-raja Melayu menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 bagi maksud penubuhan sebuah persekutuan di Tanah Melayu. Perjanjian Negeri dan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 adalah asas kepada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, ianya adalah hasil rundingan antara wakil-wakil raja-raja, British dan UMNO (Allen, J. de, Stockwell, A.J. & Wright, L.R. (Ed.), Allen, J. de, Stockwell, A.J. & Wright, L.R. (Ed.), 1981).

Perjanjian Negeri Selangor 1948 bermatlamat dua perkara; Pertama, *“for the peace, order and good government”*. Kedua, *“for the constitutional development of the State of Selangor under the protection of His Majesty and for its future government”*. Butiran penting Perjanjian Negeri Selangor 1948 adalah seperti berikut:

- a. Perjanjian MacMichael dengan Sultan Selangor yang ditandatangani pada 24 Oktober 1945 dibatalkan.
- b. Perjanjian-perjanjian antara British dengan Sultan Selangor sebelum Perjanjian MacMichael dikuatkuasakan semula selagi tidak bercanggah dengan Perjanjian Negeri Selangor 1948 dan Perjanjian Persekutuan yang akan dimuktamadkan.
- c. Kedaulatan yang meliputi keistimewaan, kuasa dan bidang kuasa Sultan Selangor dalam negeri baginda adalah diakui sama seperti yang dimiliki pada tarikh 1 Disember 1941 tertakluk pada peruntukan Perjanjian Persekutuan dan Perjanjian Negeri Selangor 1948.
- d. Kerajaan British diberikan kuasa kawalan penuh ke atas pertahanan dan hal ehwal luar Selangor. Sebagai balasannya Kerajaan British bertanggungjawab untuk melindungi kerajaan dan negeri Selangor daripada ancaman luar selaras dengan perjanjian-perjanjian terdahulu.

- e. Sultan Selangor hendaklah menuruti nasihat penasihat British dalam semua urusan kerajaan selain daripada urusan-urusan yang berkaitan dengan agama Islam dan adat Melayu. Bagaimana pun Sultan Selangor berhak untuk berunding dengan Pesuruhjaya Tinggi atau Raja British melalui Setiausaha Kerajaan jika baginda merasakan perlu.
- f. Sultan Selangor bersetuju untuk memerintah berdasarkan peruntukan Perlembagaan Negeri dan Perjanjian Persekutuan.
- g. Sultan Selangor bersetuju untuk menubuhkan Majlis Mesyuarat Kerajaan (*State Executive Council*) dan Majlis Mesyuarat Negeri (*Council of State*) untuk menasihati baginda.
- h. Tanggungjawab khusus kepada Kerajaan Selangor untuk menyedia dan menggalakkan pendidikan dan latihan bagi rakyat Melayu Selangor agar mereka dapat turut serta dalam kemajuan ekonomi, kebajikan sosial dan kerajaan di peringkat negeri dan persekutuan.

Kesan daripada Perjanjian Negeri 1948 amat besar sekali. Ia mengesahkan kedaulatan Sultan Selangor seperti pada 1 Disember 1941 serta menghapuskan implikasi Perjanjian MacMichael ke atas Kerajaan Selangor dan penubuhan Malayan Union. Perjanjian Negeri 1948 mengekalkan pengecualian bagi doktrin nasihat atas urusan-urusan yang berkaitan dengan agama Islam dan adat Melayu. Itu memberi signifikan besar kepada legitimasi kesinambungan kedaulatan watan. Perjanjian Negeri 1948 juga antara lain merakamkan persetujuan Sultan Selangor untuk memerintah menurut prinsip raja berperlembagaan dan dewan perundangan, yang membenarkan penasihat-penasihat baginda dilantik oleh rakyat jelata melalui sistem pilihanraya. Sepanjang tempoh campur tangan British, diperhatikan bahawa kedaulatan Sultan Selangor melalui prinsip '*inherent sovereignty*' sebagai bayangan Allah SWT di atas bumi tidak pernah terhapus atas sebab-sebab berikut:

- a. Kedaulatan Sultan Selangor bersumberkan ajaran Islam sebagai seorang khalifah, justeru kuasa baginda adalah terhad dalam lingkungan syariat Nabi Muhammad SAW.
- b. Selagi Sultan Selangor menganut aqidah Islam dan mempunyai kerajaan maka kedaulatan watan adalah terpelihara kerana ia merangkumi aspek awam dan peribadi pada sisi undang-undang.
- c. Perjanjian-perjanjian dengan British sebelum 1 Disember 1941 tidak pernah menggugat kekuasaan Sultan Selangor dalam hal-ehwal agama Islam dan adat Melayu.
- d. Doktrin nasihat yang diperkenal adalah untuk menyediakan satu platform berwibawa kepada British bagi mengekalkan keamanan dalam negeri dan memperkenalkan dasar-dasar yang boleh memelihara kepentingan ekonomi British di Selangor.
- e. Pengenalan prinsip '*English common law*' adalah tertakluk pada syarat-syarat watan bertujuan untuk menguruskan pemerintahan berdasarkan tadbir urus yang baik.
- f. Tiada peruntukan dalam mana-mana perjanjian yang menghalang pelaksanaan prinsip perundangan Islam.

g. Ordinans atau enakmen yang diperbuat oleh Kerajaan Selangor masih atas nama baginda sultan.

Secara perundangannya, hubungan Kerajaan British dengan Kerajaan Selangor diikat melalui perjanjian-perjanjian antara dua entiti yang berdaulat. Walaupun sultan dikehendaki bertindak atas nasihat residen namun tugas asasi residen adalah untuk memberikan nasihat, bukannya memerintah (*The Colonial Secretary to Residents, May 17, 1878*). Perjanjian Negeri Selangor 1948 harus dilihat sebagai cerminan bahawa Kerajaan Selangor itu tidak dijajah, lantaran itu kedaulatan Sultan Selangor bersumberkan ajaran Islam masih terpelihara.

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN SELANGOR 1959

Sultan Selangor atas nasihat dan persetujuan para pembesar baginda menginstitusikan perlembagaan dalam bentuk moden susulan Perjanjian Negeri Selangor 1948. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor yang dimasyhurkan pada tahun 1948 dan 1950 kemudiannya digantikan dengan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dimasyhurkan pada 22 April 1959 oleh Sultan Hisamuddin Alam Shah Ibni Almarhum Sultan Ala-Iddin Sulaiman Shah.

Penerimaan syarat-syarat pemakaian kedaulatan watan itu dihuraik berdasarkan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Pertama) dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Kedua) 1959 seperti berikut:

Raja Adalah Pemerintah Sebuah Kerajaan Merdeka

Sultan Selangor yang menginstitusikan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 adalah pemerintah yang sama menandatangani Perjanjian Negeri Selangor 1948. Dinyatakan dalam *preamble* Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Pertama):

AND WHEREAS by Article III of the First and Second Parts respectively of the Laws of the constitution of Selangor, 1948 and 1950, We reserve to Ourselves and Our Successors the power with the advice and concurrence of the Council of State to be signified by resolution upon a motion proposed for decision in that Council, from time to time to add to, amend, extend, and revoke any or all of the provisions of the Constitution as shall to Us and Our Successors seem fit.

Fasal 50 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Kedua) menyatakan bahawa kuasa pemerintahan Negeri terletak pada Duli Yang Maha Mulia:

The Executive Authority of the State shall be vested in His Highness and exercisable, unless otherwise provided by the Federal constitution or this Constitution, by him or by the State Executive Council or any member of the State Executive Council authorized by the State

Executive Council, but executive functions may by law be conferred on other persons or authorities.

Lambang-lambang kebesaran Negeri yang dinyatakan dalam Fasal 93 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Kedua) membuktikan bahawa baginda seorang raja yang berdaulat dan memerintah sebuah negeri merdeka. Selanjutnya, sultan dan Dewan Undangan Negeri menurut Fasal 61 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bab Kedua) merupakan badan perundangan tertinggi negeri Selangor.

Pemerintahnya Mengekalkan Agama Islam Sebagai Anutan

Sultan Selangor daripada Sultan Sallehuddin Shah Ibni Paduka Sri Raja Chelak hingga hari ini adalah beragama Islam dan baginda menurut Fasal 48 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Kedua) adalah ketua agama Islam. Fasal 47 menyatakan bahawa Islam adalah agama negeri Selangor:

The Religion of the State shall be the Muslim religion heretofore professed and practiced in the State: Provided that all other religions may be practiced in peace and harmony by the persons professing them in any part of the State.

Malah dalam Fasal 5 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Pertama) mensyaratkan Sultan Selangor hendaklah seorang Islam, “*Save as otherwise provided in Article 8 the Sultan shall be a person who is a Malay of Royal blood, a descendant of Selangor Sultan, male, and professes the Muslim Religion; and the Heir and each of the other Heirs shall also be such a person*”. Di samping itu, baginda sultan juga disyaratkan mempunyai akhlak yang baik oleh Fasal 6(2) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Pertama):

Provided that a descendant of His said Highness shall not be eligible, if he is considered and determined, after full and complete enquiry by the Dewan di-Raja, or possessing some based qualities on account of which he would not be permitted by the Hukum Syara to become a Sultan.

Sebagai seorang ketua agama Islam pula, antara kewajipan baginda untuk menimbangkan suatu undang-undang digubal bagi menguruskan hal-ehwal agama Islam. Fasal 48(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Kedua) menyatakan:

The Head of the Religion of the State shall be His Highness, and His Highness may cause laws to be enacted for the purpose of regulating religious affairs and for the constitution of a Majlis Ugama Islam, to be called in English, “Council of Religion”, to aid and advise him in matters relating to the religion of the State.

Pada satu sisi yang lain, Majlis Agama Islam Selangor itu juga mempunyai fungsi untuk membantu dan menasihati Sultan Selangor dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam. Tanggungjawab tersebut dinyatakan dalam Seksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Pemerintahnya Naik Takhta Atas Syura Dan Bai'ah

Pemilihan dan pengangkatan Sultan Selangor ditentukan oleh Dewan di-Raja. Dewan di-Raja ditubuhkan di bawah Fasal 23 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Pertama), antara kewajibannya dinyatakan dalam Fasal 30:

At such meeting the Dewan di-Raja shall confirm the Heir as Sultan unless after a full and complete enquiry the Dewan di-Raja shall consider..... or possessing some based qualities on account of which he would not be permitted by the Hukum Syara to become a Sultan.

Keahlian Dewan di-Raja dinyatakan oleh Fasal 24(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Pertama) terdiri daripada *ex-officio* iaitu Raja Muda, Tengku Laxamana, Tengku Bendahara, Pengerusi Majlis Ugama Islam, Mufti; juga bukan *ex-officio* iaitu, empat orang Waris, lima Orang-Orang Besar dan Tujuh orang Tua yang bukan ahli Politik, dan seorang daripadanya hendaklah seorang ahli Majlis Ugama Islam.

Jelas bahawa pemilihan dan pengangkatan ganti sultan diputuskan oleh permuafakatan para pembesar penganut agama Islam. Pelantikan di atas disusuli pula dengan istiadat pertabalan. Dalam istiadat itu berlaku ucapan lafaz ikrar taat setia kaum kerabat dan rakyat jelata. Itu menunjukkan pelaksanaan bai'ah rakyat kepada seorang pemerintah yang disyaratkan oleh Islam.

Pemakaian Prinsip Kedaulatan Watan

Sebagai tambahan kepada penjelasan di atas, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 juga mensyaratkan pemerintah hendaklah menegak prinsip keadilan berpaksi amalan syura. Prinsip-prinsip di atas terakam dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor. Fasal 55(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Kedua) menyatakan:

In the exercise of His functions under this Constitution or any law or as a member of the Conference of Rulers, His Highness shall act in accordance with the advice of the State Executive Council or of a member thereof acting under the general authority of the Council except as otherwise provided by the Federal Constitution or this constitution:....

Dalam melaksanakan urusan pemerintahan, terdapat empat badan utama bertaraf syura yang menasihati juga membantu baginda sultan; iaitu, Majlis Mesyuarat Kerajaan (Fasal 50 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Kedua), Dewan di-Raja (Fasal 23 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Pertama), Majlis Agama Islam (Fasal 48 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Kedua) dan Dewan Undangan Negeri (Fasal 61 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Kedua). Selain daripada empat badan

utama bertaraf syura dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 juga menjelaskan fungsi Majlis Agama Islam Selangor dan mufti sebagai pihak berkuasa agama yang membantu baginda melaksanakan prinsip kedaulatan watan bersumberkan ajaran Islam. Tanggungjawab tersebut dinyatakan seperti berikut:

- a. Majlis Agama Islam Selangor hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003: Seksyen 4).
- b. Mufti hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen. (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003: Seksyen 45).

Badan-badan di atas membuktikan bahawa amalan syura diteruskan dalam sistem politik Kerajaan Melayu Selangor pada hari ini.

Selanjutnya, peruntukan-peruntukan Fasal 50, 55(1), 50, 23, 48 dan 61 di atas adalah manifestasi Sultan Selangor sebagai seorang raja yang berdaulat yang perlu dibaca bersama-sama dengan *preamble* Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Pertama), “*In the name of GOD, the Compassionate, the Merciful, PRAISE be to GOD, the Lord of the Universe, and may the benediction and peace of GOD be upon Our Leader Muhammad and upon all his Relations and Friends.*” Perlu ditegaskan bahawa *preamble* Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Pertama) itu mempunyai signifikan undang-undang tersendiri kerana ia merakamkan kesinambungan posisi Sultan Selangor sebagai pemegang amanah kedaulatan milik Allah SWT. Permulaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor dengan ayat “*In the name of GOD*” itu menunjukkan pegangan pada Allah SWT meliputi pemakaian undang-undang perlembagaan, tidak terhad dalam urusan peribadi semata-mata. Di samping itu, Fasal 96 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Kedua) memperuntukkan, “*Except as expressed herein, this Constitution shall not affect the prerogatives, power and jurisdiction of His Highness.*” Fasal 96 itu jelas menjamin kuasa tersimpan (*reserve powers*) Sultan Selangor, antaranya baginda berhak untuk menolak nasihat pihak eksekutif di bawah Fasal 55(1A) dan badan perundangan di bawah Fasal 78 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Kedua) walaupun keputusan-keputusan itu bersifat syura sekiranya ianya bercanggah dengan hukum syarak, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor dan undang-undang berkaitan. Prerogatif sedemikian antaranya diperuntukkan kepada baginda seperti dinyatakan dalam Fasal 33 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Pertama) berhubung dengan nasihat Dewan di-Raja:

The Sultan may act in opposition to the advice given to him by members of the Dewan di-Raja, if, in any case, it shall in his judgment be right so to do but in any such case he shall record fully in writing in the minutes, the ground and reasons for His decision:

Selain itu, peruntukan di atas itu mengukuhkan pentafsiran bahawa Sultan Selangor masih memiliki kuasa tersimpan. Kuasa tersimpan adalah kuasa yang masih kekal dengan raja berdasarkan posisi baginda sebagai khalifah Allah SWT yang diamanahkan mengetuai sebuah kerajaan. Kuasa tersimpan itu pastinya perlu dilaksanakan selari dengan konsep kedaulatan yang dijunjung, bahawa sultan itu adalah bayangan Allah SWT di atas bumi. Justeru baginda mempunyai *'inherited jurisdiction'* untuk menolak penggubalan undang-undang atau keputusan eksekutif yang bercanggah dengan hukum syarak. Maka jelaslah, peruntukan-peruntukan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 di atas memberi legitimasi kepada pemakaian kedaulatan watan bersumberkan ajaran Islam. Meskipun Sultan Selangor pada hari ini perlu bertindak menurut nasihat seperti diperuntukkan oleh perlembagaan, namun itu tidak menghakis kedaulatan baginda. Pernyataan di atas bukan sahaja benar dari sisi ajaran Islam, bahkan difahami oleh seorang sarjana Barat yang mengkaji sejarah British-Malaya, menurut Stockwell (1979: 75):

Traditionally, therefore, the Malay Sultan was regarded as the fount of all law and government and the head of religion: he defended the adat (custom) and the structure of Malay society. Others might exercise his power, carry out his duties or guide him with his policies but the justification for all authoritative actions lay in the sovereignty of the Malay rulers.

KESIMPULAN

Pengangkatan Sultan Salihuddin Ibni Paduka Sri Opu Dahing Chellak sebagai pemerintah Kerajaan Melayu Selangor itu melestarikan kedaulatan kesultanan bersumberkan ajaran Islam. Selain istiadat pertabalan itu dilaksanakan menurut adat kebesaran Raja-raja Melayu, apa yang lebih utama dari sudut kesinambungan kedaulatan watan itu adalah aqidah pemerintah. Kesultanan Selangor itu masih mewarisi konsep kedaulatan watan sehingga kini kerana Sultan Selangor adalah penganut agama Islam di samping pematuhan syarat-syarat dalam empat aspek yang diuraikan di atas.

Sesungguhnya, konsep Raja-raja Melayu sebagai khalifah bukan suatu yang asing dalam penulisan sejarah Tanah air. Weeler (1928: 101) seorang sarjana Barat menyatakan, *"In Islam.....the Sultan is both emperor and pope. Viewed from temporal side he is the Sultan: from the spiritual he is the Caliph. 'God's shadow'"*. Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas dari sudut sejarah perundangan, prinsip perlembagaan Kerajaan Selangor termasuklah sebarang dasar pentadbiran negeri itu hendaklah tersyarat dengan kedaulatan baginda sultan sebagai khalifah Allah SWT. Dalam kata lain, mereka yang melaksanakan fungsi kuasa Sultan Selangor adalah tertakluk pada konsep kedaulatan baginda. Seperti dijelaskan, kedaulatan itu

adalah sebuah konsep kekuasaan agung yang menetapkan prinsip politik dan perundangan sesebuah negeri, maka atas premis itu jentera Kerajaan Selangor perlu beroperasi.

RUJUKAN

- Allen, J. de, Stockwell, A.J. & Wright, L.R. (Ed.). (1981). *A Collection of Treaties and Other Documents Affecting the States of Malaysia*. Jil. 2. London: Oceana Publications.
- Constitutions of The States of Malaysia*. (1998) (2nd. Ed.). Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (2003). Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Liaw Yock Fang (Ketua Editor Hassan Ahmad) (2003). Karya Agung: *Undang-Undang Melaka*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Muhammad Yusof Hashim. (2015). *Kesultanan Melayu Melaka*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Philpott, D (2003) Sovereignty. Stanford Encyclopedia of Philosophy. <https://plato.stanford.edu/entries/sovereignty>. 20/10/2005.
- Raja Ali Haji. (1998). *Tuhfat Al-Nafis*. Matheson, V. (Ed.). Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan & Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stockwell, A. J. (1979). *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment, 1942–1948*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- The Colonial Secretary to Residents, May 17, 1878. Dlm. Simon C.S. 1995. *British Relations with the Malay Rulers from Decentralisation to Malayan Independence, 1930–1957*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Wan Ahmad Fauzi bin Hashim @ Wan Husain (2017). Konsep Kedaulatan Watan Raja-Raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia menurut sejarah perundangan. Tesis PhD. UKM, Bangi.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah, Mohamed Anwar Omar Din. 2017. Islam Agama Bagi Persekutuan: Satu kajian Sejarah Perundangan. *Akademika* 87(3): 179-195.
- Wheeler, L.R. (1928). *The Modern Malay*, London: Georg Allen & Unwin.

TENTANG PENULIS

Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain berkelulusan LL.b (hons)., M.Phil., PhD. Beliau adalah seorang pemikir watan yang bergiat aktif mengembangkan konsep dan implikasi kedaulatan watan dalam Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan. Beliau kini adalah Ketua Lajnah Kajian Strategik, Majlis Ittihad Ummah.